




Di antara 1Malaysia,
Negara Islam
dan Malaysian Malaysia



Berubah Untuk MALAYSIA Baru



595
Z

RIZUAN RAHMAN

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Berubah Untuk Malaysia Baru

Rizuan bin Abdul Rahman

2011

PUSTAKA PERDANA



1008737



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Cetakan Pertama 2011

©2011 Rizuan bin Abdul Rahman

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpankekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada secara elektronik, sawatan, salinan foto, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbit oleh :

Media Bistari

No. 28-1, Jalan 59/10,

Taman Koperasi Polis Fasa 2, Sri Gombak

68100 Kuala Lumpur

H/p : 019-7667710

Dicetak oleh :

HS Massyi Printing Sdn Bhd

No. 40A, Jalan Selasih Indah,

Taman Selasih Fasa 1,

68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-6187 8697

Faks: 03-6186 6697



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Isi Kandungan

Mukaddimah	5
Bab 1 - Ekonomi	7
• Dasar Ekonomi Baru – Masalah Dan Kegagalan	7
• DEB : Disebalik Mempertahan Kedudukan Melayu.	15
• Perniagaan Aceh – Realiti Luar Biasa	20
• DEB dan Kelembapan Ekonomi	23
• Insfrastruktur Negara Maju, Per Kapita Negara Membangun	27
• Harga Kereta Tinggi – Antara Keselesaan dan Keperluan	31
• Antara Kemiskinan dan Harga Minyak	33
• Insiden Kemiskinan	37
Bab 2 - Politik	41
• Politik Terbaik	41
• Pembangkang Perlu Ramai – Tun Dr Mahathir	43
• Peranan Pembangkang	45
• Kepimpinan Ideal di Malaysia	48
• Masa Depan Barisan Nasional – Pola Sokongan Rakyat	51
• First Past The Post (FPTP)	54
• Persempadanan Semula	56
• Kontrak Sosial	56
• Negara Maju: Penstrukturan Semula Pentadbiran	59
• Politik Baru: Kuasa Ketiga	63
• Kelemahan PR: Media Massa	66
• Perkasa dan Kongres Kepentingan Bangsa	69
• Pluralisme dan kebenaran Islam	72
Bab 3 - Sosial	75
• Jatidiri Malaysia	75
• Anak Muda dan Hiburan Melampau	78

• Kaum India, Rusuhan dan Ketidak – Harmonian Kaum	82
• Sekolah Wawasan – Berakhirnya Perkauman	84
• Pelajar Lelaki di Universiti Berkurangan	83
• Suami ‘Sura’ Rumah, Perkahwinan Misyar dan Fatwa	91
• Mengenai Perkahwinan Misyar	93
• Anak Pintar	96
Bab 4 - Pendidikan	101
• Sistem Pendidikan dan Bijaksana Negara	101
• Intelektualisme, Idealisme dan Kebebasan Universiti	105
• Ke arah Manakah Hala Tuju Universiti Di Malaysia?	106
• PPSMI Perlu Ditamatkan Segera	109
• Berfikir Dalam Bahasa Ibunda	111
• Penggunaan Bahasa Inggeris Keterlaluan	115
• Kegagalan Dasar Bahasa di Singapura	117
• Pelajar Ponteng, Guru Tidak Cemerlang	120
• Kelulusan Subjek Matematik Bukan Kayu Ukur	123
• Siswazah Menganggur, IPTS bermasalah?	126
• Parenting Skill – Bina Insan	129
Bab 5 - Teknologi & Infrastruktur	133
• Lebu Raya Kronik	133
• Ketenangan Kawasan Kampung dan Jalan Raya	137
• Kenaikan Tol	140
• Kementerian Pengangkutan dan Polisi Tidak Praktikal	144
• Dilema Proton	146
• Dasar Baru Untuk Proton	150
• Sekalung Budi Buat Proton	151
Kesimpulan	
• Malaysia Yang Ideal	153

Sekalung Budi



MUKADIMAH

SAYA terilham untuk menulis buku ini ketika Selangor diisytiharkan menjadi negeri maju pada tahun 2005. Perisytiharan itu sebenarnya adalah satu tanggungjawab berat kepada Kerajaan Negeri dan parti yang memerintah untuk memenuhi kriteria aspek kemajuan tersebut.

Kerajaan tidak boleh lagi mengelak dari dibandingkan oleh rakyat negeri Selangor dan Malaysia amnya berkenaan erti serta praktik kemajuan di negara ini dan di negara-negara maju Barat. Termasuk dalam hal-hal yang kurang disenangi pemerintah seperti kebebasan bersuara, kebebasan berpolitik, autonomi universiti, ketelusan pengendalian pilihan raya dan beberapa akta yang kurang cocok dengan prinsip demokrasi.

Begitu juga arus pemikiran rakyat semakin fleksibel, kredibel dan sentiasa ke arah yang lebih positif. Maka buku ini mendedahkan perbandingan-perbandingan dari sudut pemikiran, sikap, prinsip, pemahaman demokrasi dan ekonomi di antara masyarakat Malaysia yang masih membangun dengan masyarakat di negara yang telah maju.

Sebahagian daripada ciri-ciri kemajuan itu telah pun ditunjukkan dalam pilihan raya umum 2008 lalu, yang mana rakyat berani memilih parti yang mereka fikir lebih sesuai mentadbir negara. Oleh yang demikian parti pemerintah perlulah pula berubah ke arah yang dikehendaki rakyat untuk terus relevan dan terus diberi kuasa.

Selepas Pakatan Rakyat memerintah di beberapa buah negeri maka wujud arus kuasa ketiga yang cuba menyaingi mereka. Sejalan

manakah keberkesanan kuasa ini. Semua itu diperbincangkan dengan hujah yang bernas.

Semoga buku ini yang ditulis dalam gaya bahasa mudah untuk semua peringkat umur dan pengetahuan pembaca, akan memberi sumbangan ke arah kemajuan minda rakyat Malaysia yang akan menjadi maju pada 2020 kelak.

Pengarang



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

EKONOMI

EKONOMI adalah teras kemajuan sesebuah negara. Malaysia telah mencapai taraf negara membangun yang rancak pertumbuhan ekonominya sejak 1988. Namun, masih terdapat beberapa masalah ekonomi yang rumit, dari segi ekuiti kaum Bumiputera yang masih tidak mencapai jumlah 30 peratus sehinggalah ketidak-mampuan segelintir rakyat Malaysia memberi makanan berzat untuk keluarga. Keadaan lebih sukar dengan kenaikan harga barang keperluan harian, ubat-ubatan dan sebagainya berikutan kenaikan harga minyak. Di samping itu, harga kereta yang kekal mahal dan kenaikan tol saban tahun terus membebankan rakyat. Ekonomi Malaysia mempunyai beberapa masalah yang perlu diberi perhatian segera agar tidak merencatkan peluang Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020.

Dasar Ekonomi Baru – Masalah Dan Kegagalan

Semenjak merdeka pada 1957, isu kelemahan ekonomi kaum Melayu atau bumiputera terus menjadi beban politik dan mempengaruhi hubungan etnik di Malaysia. Isu ekonomi Melayu juga dikatakan menjadi punca tercetusnya rusuhan 13 Mei 1969 antara kaum Melayu dan Cina.

Selepas rusuhan 1969 pelbagai usaha dilaksanakan oleh kerajaan untuk memperbaiki taraf ekonomi kaum Melayu. Salah satunya adalah melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB diperkenalkan pada 1971. Dasar tersebut berjaya mempertingkatkan penguasaan ekuiti Melayu daripada 2.4 peratus pada ketika itu menjadi 19 peratus pada 1990. Sasaran sehingga tahun 2000, kaum Melayu

menguasai 30 peratus ekuiti modal negara melalui Dasar Pembangunan Nasional (DPN) bagaimanapun gagal dicapai apabila berlaku bencana kemeseletan ekonomi pada 1997. Malah jumlah ekuiti Melayu merosot kepada 18 peratus (korporat 14%, individu 4%) selepas kemelesetan.

Walau bagaimanapun, penguasaan individu Melayu dalam ekuiti berbanding kaum lain relatifnya kecil dan terpaksa dibantu melalui ekuiti institusi serta saham amanah khusus untuk bumiputera yang banyak diuruskan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Kebanyakan ekuiti Melayu dipegang oleh agensi kerajaan seperti PNB, MARA, UDA dan lain-lain.

Tahun	Melayu (%)	Cina (%)	India (%)	Pemodal asing (%)	Penama (%)	Lain-lain (%)
1990	19.3	45.5	1	25.4	8.5	0.3
1995	20.6	40.9	1.5	27.7	8.3	1
1999	19.1	37.9	1.5	32.7	7.9	0.9
2000	18.9	38.9	1.5	31.3	8.5	0.9
2002	18.7	40.9	1.5	28.9	9.2	0.8
2004	18.9	39.0	1.2	32.5	8.0	0.4
2006	19.4	42.4	1.1	-	-	-

Jadual 1 : Pemilikan pegangan saham syarikat tersenarai
(Sumber : Unit Perancang Ekonomi)

Memang keupayaan ekonomi kaum Melayu kelihatan semakin baik sejak 1970an dengan peningkatan drastik jumlah profesional dan ahli perniagaan Melayu yang dihasilkan melalui DEB. Kedudukan kewangan Melayu luar bandar juga memuaskan. Meski pun begitu, jika dilihat daripada saiz kek ekonomi yang telah berlipat kali ganda besarnya sejak 1970 maka secara bandingan kaum Melayu sebenarnya masih ketinggalan berbanding kaum-kaum lain. Terutama jika dibandingkan dari segi pendapatan isi rumah yang menjadi kayu ukur paling realistik bagi menilai pencapaian ekonomi sesuatu kaum.